

PM mahu rakyat berbelanja bantu pertumbuhan ekonomi

UM 7 DEC 2001
Oleh ASUKI ABAS dan
JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat Malaysia supaya berbelanja bagi memeriahkan musim perayaan akan datang sekali gus membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menambah pendapatan rakyat melalui potongan cukai, bayaran bonus dan pemberian insentif bagi mencapai strategi pertumbuhan ekonomi berasaskan kegiatan tempatan.

“Oleh yang demikian berbelanjalah bagi memeriahkan hari-hari perayaan nanti, di samping membantu menambah

aktiviti ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negara.

“Sama-samalah kita mengindahkan bandar, pekan, kampung dan rumah-rumah kita (dan) membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan sejahtera,” kata Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara hari ini.

Kata Dr. Mahathir, persekitaran luar yang tidak menentu dan semakin mencabar memerlukan rakyat melipatgandakan usaha bagi memastikan ekonomi negara dapat digerakkan.

“Semangat dan kesungguhan untuk menguasai ilmu serta meningkatkan produktiviti dan

daya saing akan dapat membawa kemajuan negara ke tahap yang lebih cemerlang,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan telah kehilangan hasil berjumlah RM1.2 bilion berikutan pelbagai insentif cukai yang diberikan kepada rakyat dan syarikat perniagaan.

- Subsidi diesel RM1.1b setahun di muka 2
- PM: Israel tidak adil tekan Arafat di muka 3

Berikutan itu kerajaan terpaksa mengambil beberapa langkah khusus termasuk menaikkan harga petrol sebanyak 10 sen, katanya.

Bagaimanapun tambah Perdana Menteri, kenaikan itu adalah kecil dan diyakini tidak membebankan rakyat.

Sementara itu Perdana Men-

teri berkata, kerajaan memperuntukkan RM5.7 bilion kepada pembangunan infrastruktur melibatkan pembinaan jalan raya dan jambatan, landasan kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang bagi menyokong sektor pengangkutan.

Katanya, lokasi strategik Pelabuhan Johor dan Lapangan Terbang Senai yang berdekatan Singapura hendaklah diketengahkan sebagai pelabuhan dan lapangan terbang pusat bagi pergerakan kargo tempatan dan antarabangsa.

Langkah itu akan berjaya sekiranya sistem pengangkutan bersepadu bagi menghubungkan semua rangkaian pengangkutan darat, laut dan udara di selatan Semenanjung dibangunkan segera dan diurus dengan lebih cekap serta berkesan, kata Perdana Menteri.